

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 28.08.2024 MASA: .5.40PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENGIFTIRAFAN & PENYERAHAN
SIJIL MALAYSIA *BOOK OF RECORDS (MBR)*
SERTA PENGHARGAAN KUALITI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**29 OGOS 2024 (KHAMIS)
02.15 PETANG**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &
Desa

Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Puan Siti Hajar Binti Johor

Malaysian Book Of Record

Yang Dihormati Tuan Haji Mohamad Bin Zakariah

Ketua SIRIM QAS International Sdn Bhd, Pulau Pinang

Yang Berusaha Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Penerima-Penerima Penghargaan Kualiti MBSP

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya, telah mengizinkan kita bersama-sama hadir dalam **Majlis Pengiktirafan dan Penyerahan Sijil Malaysia Book of Records (MBR) serta Penghargaan Kualiti** pada petang ini.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir hadir ke majlis ini dan seterusnya menyampaikan ucapan perasmian. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat amat bermakna kerana ini menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha memperkasakan peranan dan sumbangan Majlis Bandaraya Seberang Perai kepada rakyat.
3. Saya turut mengalu-alukan kehadiran Pegawai dari *The Malaysia Book of Records*, Puan Siti Hajar Binti Johor dan Tuan Haji Mohamad bin Zakariah, Ketua SIRIM QAS International Sdn Bhd, Pulau Pinang.
4. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai

Kanan serta semua Kakitangan MBSP yang saya kasihi. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai.

5. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada urusetia penganjuran program pada hari ini, yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
6. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan program kualiti sejak tahun 90-an lagi dan mula melaksana ISO serta mendapatkan sijil ISO sejak 1999.
7. MBPS melaksana Sistem Pengurusan ISO dan 5S ini untuk membantu dalam memberikan garis panduan dan membuat penetapan KPI bagi setiap jabatan terutama dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan termasuk memenuhi ekspetasi dan kepuasaan hati pelanggan.
8. Bermula daripada satu (1) pensijilan, sehingga kini MBSP mempunyai sembilan (9) pensijilan berteraskan kualiti, iaitu:-
 - i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2015 (QMS)
 - ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001: 2015 (EMS)
 - iii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO /IEC 27001:2022 (ISMS)
 - iv. Sistem Pengurusan Anti-Suapan/Sogokan ISO 37001: 2016 (ABMS)
 - v. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001: 2018 (OSHMS)

- vi. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001: 2018 (EnMS)
 - vii. Sistem Pengurusan Aset ISO 55001:2014 (AMS)
 - viii. Sistem Pengurusan Pematuhan ISO 37301:2021 (CMS)
 - ix. Termasuklah 5S yang dipersijilan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
9. Sistem Pengurusan ISO dan 5S ini memberi fokus kepada perkhidmatan standard (QMS) serta memberi fokus kepada aspek alam sekitar (EMS), menjaga keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHMS), pengurangan penggunaan tenaga (EnMS), memelihara keselamatan maklumat (ISMS), Integriti (ABMS) serta pematuhan perundangan (CMS) dan lain-lain.
10. Bagi semua pensijilan ISO, MBSP telah menggerakkan usaha mengintegrasikan pelaksanaan ISO sejak tahun 2015 sehingga mewujudkan Sistem Pengurusan Berintegrasi ISO (IMS) yang berkuatkuasa 1 Mei 2017. Sementara 5S terus dilaksanakan bagi menyokong budaya persekitaran berkualiti di kalangan warga kerja MBSP.
11. Sebagai Datuk Bandar, saya berasa amat gembira bahawa MBSP telah mendapat pengiktirafan daripada *The Malaysia Book Of Records* sejak tahun 2015 dan pada hari ini kita meneruskan kecemerlangan dengan mendapat pengiktirafan seterusnya iaitu:-
- i. Organisasi Pertama di Malaysia yang Mendapat Pensijilan ISO 37301:2021 Sistem Pengurusan Pematuhan (CMS); dan

- ii. Agensi Kerajaan Pertama di Malaysia yang Diiktiraf Oleh Pihak SIRIM yang mempunyai dan mengintegrasikan Lapan (8) Sistem Pengurusan Berasaskan Standard ISO Dalam Konteks Pelaksanaan, Dokumentasi dan Pengauditan.
12. Pensijilan bukanlah keutamaan kita. Sebagai sebuah PBT, yang juga menggunakan pakai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA), kita harus berpegang kepada *Total Quality Management* yang berorientasikan pelanggan. Sebenarnya semua pensijilan ini adalah untuk membantu kita dalam memberikan garis panduan yang jelas dan telus bagi melaksanakan kerja-kerja harian di pejabat dan juga di lapangan.
13. Sebagai Datuk Bandar, InsyaALLAH, saya akan memastikan bahawa penambahbaikan berterusan dilaksanakan dalam Sistem Pengurusan Berintegrasi ISO oleh MBSP dengan mengambil kira maklumbalas yang diberikan oleh penduduk Seberang Perai.
14. Selain daripada pengiktirafan *The Malaysia Book of Records* yang bakal diperolehi oleh MBSP, pada hari ini juga MBSP ingin mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada mereka yang telah memberikan sumbangan dalam usaha memartabatkan kualiti di MBSP. Mereka ini adalah terdiri daripada bekas Pegawai Kualiti dan Pembantu Pegawai Kualiti. Tidak ketinggalan, kita tidak melupakan jasa Fasilitator dan Ketua Zon yang telah berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja berkualiti dengan melaksanakan 5S di zon masing-masing.

15. MBSP juga pada setiap tahun, semasa Ulangtahun Hari Bandaraya akan mengadakan program *Quality Appreciation Day* sebagai satu usaha lagi untuk memotivasiikan warga kerja MBSP dalam aspek budaya kualiti dan inovasi MBSP.
16. Akhir kata, marilah kita bekerja dalam satu pasukan yang harmoni dan bersama-sama dapat memacu MBSP ke arah yang lebih cemerlang serta Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kelestarian alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***